



GAMBAR KENANGAN ... ahli produksi yang menjayakan filem pendek ini.



POSTER PRODUKSI ... baju T-Shirt yang dijual bersama satu tiket penayangan.

Filem pendek karya pelajar UMS bakal ditayangkan Disember ini

MOMISOK merupakan salah satu adat kematian tradisional kaum Kadazan Dusun yang dijalankan pada malam hari ke-7 selepas adat kematian. Dalam amalan, roh si mati akan dipanggil pulang ke rumah buat kali terakhir untuk menjenguk keluarga yang ditinggalkan serta mengambil barang-barang peribadi miliknya.

Perkara ini mendorong kumpulan mahasiswa/i dari Ijazah Sarjana Muda Pengajian Seni Kreatif (Major Penulisan) menghasilkan sebuah filem pendek bertempat di Kionsom bagi memenuhi nilai leluhur tradisional bersesuaian dengan latar masyarakat tempatan di sini.

Karya seni ini merupakan projek akhir mereka bagi memenuhi tuntutan silibus dalam kursus program yang diduduki sebelum menamatkan pengajian. Justeru, skrip yang dihasilkan digabung jalinkan bersama idea bersama kumpulan produksi dikenali sebagai Thriwalk Production.

Sejajar dengan itu, produksi ini cuba menghasilkan sebuah karya filem pendek bertajuk "Momisok" yang bakal menemui penonton menjelang Disember ini.

Sinopsis filem ini mengisahkan tentang dua sahabat baik bernama Idu dan Igama yang tinggal di sebuah perkampungan di Sabah. Mereka berdua sangat dikenali



MOMOGUN antara watak yang bakal menemui penonton Disember ini.

oleh penduduk setempat. Pada suatu hari Idu telah ditemui mati dan seluruh tubuhnya telah dipenuhi oleh kesan luka. Perkara itu menimbulkan persoalan penduduk kampung kerana tidak seorang pun dari mereka mengetahui punca sebenar kematiannya dan menganggap Idu mati kerana telah dibunuh.


Pelbagai tohmahan mula dilemparkan ke atas Pogog yang dipercayai dalang dibalik pembunuhan misteri itu. Siapakah Pogog? Misteri pembunuhan itu semakin menghantui fikiran masyarakat kampung.

Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? Siapakah dalang dibalik kematian itu? Semuanya akan bakal terjawab setelah menonton tayangan filem pendek ini.

Oleh itu, jangan lepaskan peluang untuk menyaksikan filem pendek ini yang bakal ditayangkan pada bulan Disember tahun ini di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah dengan tiket serendah RM 3. Produksi kami turut menjual sehelai baju T-Shirt beserta satu tiket untuk satu penayangan.

Datanglah beramai-ramai untuk bersama memeriahkan serta menyaksikan tayangan filem pendek berkenaan.

Sebarang maklumat mengenai filem pendek ini bolehlah merujuk kepada laman sosial kami seperti Facebook Thriwalk Production, dan Instagram Thriwalk Production. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan filem pendek ini bolehlah menghubungi 017-8991419 (Mirlen) dan 014-8714162 (Erna). — Oleh ERNA AHMAD DIA



PENGARAH PRODUKSI ... Mirlen Axtius